



GARIS PANDUAN

PERMOHONAN GERAN PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA (GERAN PPSMI 2025)

TAHUN 2025

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI**

1. PENGENALAN

- 1.1. Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia, Pejabat Perdana Menteri (MITRA, PMO) merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam inisiatif pembangunan sosioekonomi masyarakat India Malaysia yang menasarkan kumpulan B40 dan M40.
- 1.2. Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia (PPSMI) merupakan inisiatif pembangunan sosioekonomi yang dilaksanakan melalui permohonan geran iaitu:
 - (i) Program-program yang akan dilaksanakan dengan kerjasama antara MITRA dengan Organisasi melalui permohonan geran; dan
 - (ii) Permohonan geran kewangan akan dibuka kepada Organisasi untuk pelaksanaan program yang dapat membangunkan sosioekonomi masyarakat India.

2. TUJUAN

- 2.1. **Garis Panduan Permohonan Geran Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India** (Garis Panduan) ini bertujuan untuk memberi keterangan dan penjelasan berhubung dengan Permohonan Geran.
- 2.2. Garis Panduan ini merupakan panduan kepada semua pihak yang memohon geran untuk memastikan permohonan dapat dibuat dengan teratur dan lengkap.

3. TAFSIRAN

- 3.1. Bagi maksud Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai makna seperti yang berikut:

“**Geran**” ertinya pemberian sejumlah wang oleh Kerajaan bagi membiayai sepenuhnya atau sebahagian kos pelaksanaan PPSMI; dan

“**Organisasi**” ertinya pihak-pihak yang termasuk Badan Berkanun, Institusi Pengajian Tinggi, Kolej-Kolej atau Institusi-Institusi Latihan Swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Sukarela, Syarikat atau mana-mana Organisasi yang ditubuhkan berdasarkan Undang-undang Negara yang sedang berkuat kuasa.

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN GERAN

4.1. Syarat Wajib:

- (i) Satu Organisasi hanya boleh mengemukakan satu permohonan sahaja;
- (ii) Permohonan yang dikemukakan mestilah lengkap dan sah;
- (iii) Permohonan geran perlu mengikut kategori permohonan MITRA;
- (iv) Organisasi perlu mengemukakan sijil-sijil pendaftaran serta maklumat berkaitan Ahli Jawatankuasa Organisasi yang sah;
- (v) Pemohon/Individu hanya boleh mengemukakan permohonan mewakili satu Organisasi sahaja; dan
- (vi) Pemohon/Individu/Pengerusi/Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan tidak diisytiharkan sebagai bankrap.

4.2. Syarat Kelayakan Organisasi:

- (i) Organisasi telah didaftarkan dan berpengalaman dalam bidang sosioekonomi masyarakat India Malaysia sekurang-kurangnya satu (1) tahun;
- (ii) Berdaftar secara sah dengan mana-mana pihak yang berikut:
 - [1] Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia;
 - [2] Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
 - [3] Kementerian Belia dan Sukan;
 - [4] Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
 - [5] Kementerian Kewangan; atau
 - [6] Lain-lain agensi pendaftar kerajaan yang berkaitan.
- (iii) Permohonan program hendaklah berdasarkan kepakaran serta berkaitan dengan jenis/aktiviti/ bidang Organisasi. Contoh: Program TVET hanya boleh dilaksanakan/dipohon oleh institusi-institusi latihan teknikal yang mempunyai pentauliahahan dari Kementerian Sumber Manusia.

5. BIDANG PERMOHONAN GERAN

5.1. **Bidang Pendidikan dan Pengajian Tinggi:** Program berkaitan pendidikan dan pengajian tinggi yang melibatkan murid-murid Sekolah Rendah, Sekolah Jenis Kebangsaan, Sekolah Menengah dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk memastikan pencapaian yang seimbang dalam pengetahuan, kemahiran serta insaniah masyarakat. **Sub Bidang Pendidikan dan Pengajian Tinggi** adalah seperti berikut:

- (i) Kelas Bimbingan;
- (ii) Program Penguasaan Bahasa;
- (iii) Latihan Kreativiti;
- (iv) Pengucapan Awam (Murid);
- (v) Program Kepimpinan, Pembangunan Kendiri & Transformasi Murid;
- (vi) Program Kepimpinan, Pembangunan Kendiri & Transformasi Pelajar IPT;
- (vii) Program Pendidikan STEM (Robotik, Koding, IoT & AI);
- (viii) Program Kesedaran TVET;
- (ix) Seminar Teknik Menjawab SPM/STPM; dan
- (x) Program Pemerksaan Guru-Guru

5.2. **Bidang Ekonomi dan Latihan Kerjaya:** Program berkaitan pembangunan kerjaya dan keusahawanan untuk meningkatkan daya cipta, peluang pekerjaan serta peningkatan pendapatan. **Sub Bidang Ekonomi dan Latihan Kerjaya** adalah seperti berikut:

- (i) Program Emerging Technology (AI, Robotic, IOT);
- (ii) Program Latihan TVET;
- (iii) Program Digital dan Multimedia;
- (iv) Program Fotografi / Videografi dan Pengeditan;
- (v) Program Drone dan Aplikasi;
- (vi) Program Perkhidmatan Makanan;
- (vii) Program Kewangan;
- (viii) Program Logistik dan Pengangkutan;
- (ix) Program Persijilan Profesional;
- (x) Program Perkhidmatan Kecantikan / Estetik;
- (xi) Program Pertanian dan Industri Tani;

- (xii) Program Kraf Tangan;
- (xiii) Program Pembangunan Keusahawanan (Start Up Business, Jualan/Pemasaran Online);
- (xiv) Program Pengembangan Perniagaan (Cth: Cottage Business); dan
- (xv) Program Pengurusan Acara (*Event Management Program*).

5.3. **Bidang Kebajikan dan Sosial:** Program berkaitan pembangunan kesejahteraan sosial dan kebajikan yang merangkumi aspek kesihatan, sosial dan kesukanan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat. **Sub Bidang Kebajikan dan Sosial** adalah seperti berikut:

- (i) Program Autisme/*Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD);
- (ii) Program Postnatal;
- (iii) Program Kesedaran Kesihatan;
- (iv) Rawatan Pemulihan Strok;
- (v) Program Kesihatan Mental;
- (vi) Program Pembangunan Kendiri Belia;
- (vii) Pemerkasaan Orang Kurang Upaya (OKU);
- (viii) Sukan wajib di bawah Sukan Malaysia (SUKMA); dan
- (ix) Sukan pilihan di bawah Sukan Malaysia (SUKMA).

5.4. **Bidang Identiti dan Keterangkuman:** Program merangkumi aspek kebudayaan, kesenian tradisional, kerohanian dan kesukanan tradisional untuk mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif. **Sub Bidang Kategori Identiti dan Keterangkuman** adalah seperti berikut:

- (i) Tarian Tradisional India;
- (ii) Pembelajaran Alat Muzik India;
- (iii) Sukan Tradisional India;
- (iv) Kelas Kerohanian; dan
- (v) Program Kebudayaan.

5.5. Sekiranya terdapat dua atau lebih permohonan, hanya permohonan yang terawal berdasarkan tarikh dan masa akan dipilih.

6. NILAI PEMBIAYAAN

- 6.1. Nilai pembiayaan geran adalah tidak melebihi daripada RM1 juta dan hendaklah berdasarkan kesesuaian pelaksanaan program yang dicadangkan serta tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja MITRA.
- 6.2. Perincian peruntukan seharusnya berasaskan tiada keuntungan (**Non-profit Based**).
- 6.3. Butiran anggaran kos program yang ditetapkan MITRA adalah seperti di **Lampiran A**.
- 6.4. Pemohon geran boleh mencadangkan butiran perbelanjaan selain daripada yang ditetapkan MITRA mengikut kesesuaian permohonan/program. Walau bagaimanapun, kadar bagi setiap perincian yang dicadangkan adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja MITRA.
- 6.5. Nilai pembiayaan geran yang diluluskan adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja MITRA.

7. TEMPOH PERMOHONAN

- 7.1. Tarikh Buka: **2 Disember 2024 (Isnin) jam 2.30 petang**.
- 7.2. Tarikh Tutup: **5 Januari 2025 (Ahad) jam 5.00 petang**.

8. PROSEDUR PERMOHONAN GERAN KEWANGAN MITRA

- 8.1. Permohonan oleh Organisasi perlu dikemukakan secara **dalam talian**. MITRA tidak mengeluarkan sebarang borang dalam bentuk manual dan borang permohonan yang dikemukakan secara manual tidak akan diterima.
- 8.2. Laman sesawang Sistem Permohonan Geran Kewangan MITRA adalah **<https://spgkm.mitra.gov.my/>**.
- 8.3. Pemohon perlu melengkapkan permohonan di setiap bahagian seperti berikut:
 - (i) Bahagian A1: Maklumat Organisasi;
 - (ii) Bahagian A2: Maklumat Ahli Jawatankuasa Organisasi;

- (iii) Bahagian B: Maklumat Cadangan Program;
- (iv) Bahagian C: Maklumat Tenaga Mahir;
- (v) Bahagian D: Maklumat Lokasi dan Garis Masa Program; dan
- (vi) Bahagian E: Perincian Kewangan Program.

Nota: Bahagian atau ruangan yang mempunyai tanda asterisk (*) adalah wajib untuk diisi.

- 8.4. Perincian permohonan seperti di **Lampiran B**.
- 8.5. Permohonan yang disenarai pendek akan dipanggil untuk pembentangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja MITRA atau Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MITRA JPM.

9. DOKUMEN YANG PERLU DI MUAT NAIK UNTUK PERMOHONAN

- 9.1. Sijil Pendaftaran Organisasi termasuk maklumat ahli Organisasi dan carta Organisasi (**WAJIB**);
- 9.2. Penyata kewangan terkini diaudit oleh juruaudit bertauliah atau penyata tahunan terkini dari sistem eROSES. (**WAJIB**);
- 9.3. Salinan Sijil Pengiktirafan/Pentauliahahan (**WAJIB** bagi yang berkaitan, sekiranya tidak berkaitan, pemohon tidak perlu muat naik). Contoh: Program-program yang melibatkan latihan/kemahiran/pendidikan, pemohon wajib muat naik salinan sijil;
- 9.4. Senarai Kandungan Modul Program (**WAJIB** bagi yang berkaitan, sekiranya tidak berkaitan, pemohon tidak perlu muat naik). Contoh: Program-program yang melibatkan latihan/kemahiran/pendidikan, pemohon wajib muat naik kandungan modul;
- 9.5. Salinan Sijil Akreditasi Program (**WAJIB** bagi yang berkaitan, sekiranya tidak berkaitan, pemohon tidak perlu muat naik). Contoh: Program-program yang melibatkan latihan/kemahiran/pendidikan, pemohon wajib muat naik salinan sijil;
- 9.6. Salinan Dokumen (Laporan) jalinan kerjasama yang pernah diadakan. Sekiranya berkaitan sahaja.
- 9.7. Salinan CV/Resume Tenaga Mahir (**WAJIB**).

10. KEPUTUSAN PERMOHONAN

- 10.1. Keputusan permohonan geran akan dimaklumkan dari semasa ke semasa sepanjang tahun 2025.
- 10.2. Permohonan yang tidak menepati syarat akan ditolak serta-merta.
- 10.3. MITRA **TIDAK TERIKAT** untuk menyatakan sebab-sebab permohonan ditolak kepada mana-mana pihak, termasuk Organisasi yang mengemukakan permohonan.
- 10.4. Keputusan permohonan geran yang tidak berjaya adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.
- 10.5. Sekiranya maklumat yang dikemukakan tidak tepat/tidak sah/menyalahi undang-undang, MITRA mempunyai kuasa mutlak untuk menarik balik keputusan permohonan.

11. PERTANYAAN

- 11.1. Sebarang pertanyaan lanjut, sila e-mel kepada MITRA infomitra@mitra.gov.my atau hubungi di talian **03-8886 6221**.

12. PELAKSANAAN GARIS PANDUAN

- 12.1. Garis panduan ini berkuat kuasa untuk permohonan geran tahun 2025 sahaja.

LAMPIRAN A

ANGGARAN PERINCIAN KADAR KOS PROGRAM

NO.	PERKARA	BUTIRAN	KADAR MAKSIMUM	
1.	Elaun Penceramah	Diploma/ Sijil	RM100.00 sejam	
		Sarjana Muda	RM200.00 sejam	
		Sarjana	RM300.00 sejam	
		Ph.D	RM400.00 sejam	
		Pakar Bidang Khusus (<i>Subject Matter Expert, SME</i>)*	RM500.00 – RM1,000.00 sejam	
2.	Elaun Fasilitator	Tidak Berkaitan	RM80.00 sejam	
3.	Elaun Pembantu Fasilitator	Tidak Berkaitan	RM50.00 sejam	
4.	Sewa PA/ Peralatan AV	Tidak Berkaitan	RM250.00 – RM500.00 per unit/ sehari	
5.	Pakaian Peserta	Track Bottom	RM100.00 seunit	
		T-shirt	RM50.00 seunit	
6.	Makanan	Sarapan Pagi	RM8.00 per pax	
		Makan Tengah Hari	RM15.00 per pax	
		Minum Petang	RM6.00 per pax	
		Makan Malam	RM15.00 per pax	
7.	Elaun Peserta	Mengikut Keperluan Permohonan/ Program	RM50.00 sehari	
8.	Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	Mengikut kos yuran yang diluluskan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran	-	
9.	Insuran Kelompok	Mengikut Permohonan/ Program jika berkaitan dan tertakluk kepada tempoh program	Kadar sebenar	
10.	Penginapan Penceramah/Fasilitator/ Pembantu Fasilitator	Hotel	RM270.00 sehari	
		Elaun Lojing	RM60.00 sehari	
11.	Publisiti	i. Bunting/Banner; ii. Video/ Foto; dan iii. Percetakan.	RM1,000.00	
12.	Subsidi Pengangkutan Penceramah/Fasilitator/ Pembantu Fasilitator	Subsidi Perjalanan Dalam Negeri	Perjalanan kurang dari 100km RM80.00 sehala	
			Perjalanan 100km dan lebih RM200.00 sehala	
13.	Kos Pengurusan	i. Dokumentasi - Laporan Berkala/ Akhir/ Tracer; ii. Rekrut Peserta; iii. Pengurusan Program; dan iv. Penyelarasan Program.	RM1 juta dan ke atas	6% daripada kos program
			RM1 juta ke bawah	8% daripada kos program
14.	Laporan Kewangan Diaudit oleh juruaudit	Syarat Juruaudit yang dipilih adalah seperti berikut: i. Ahli Institut Akauntan Malaysia (IAM) bertaraf "Akauntan Bertauliah"; dan ii. Mempunyai Sijil Amalan (<i>Practising Certificate</i>) sah daripada IAM.	Kadar sebenar	

Nota:

- i. Kadar perincian ini adalah rujukan sahaja dan tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja MITRA.*
- ii. Bagi program yang melibatkan kursus persijilan professional/ sijil ikhtisas yang mempunyai kadar ditetapkan oleh badan pentaulihan atau badan professional boleh meletakkan kadar sebenar dan kelulusan adalah tertakluk keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja MITRA atau Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MITRA JPM.*
- iii. *Untuk kos Pakar Bidang Khusus, pemohon perlu melampirkan pencapaian akademik/ sijil ikhtisas/ sarjana/ Ph.D dan pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun dalam bidang kepakaran.*

LAMPIRAN B

PANDUAN BORANG PERMOHONAN KEWANGAN

BAHAGIAN A : MAKLUMAT ORGANISASI

Bil.	PERKARA	MAKLUMAT
	Bidang*(dropdown) (Sila tandakan satu pilihan sahaja)	Pendidikan dan Pengajian Tinggi
		Ekonomi dan Latihan Kerjaya
		Kebajikan dan Kesejahteraan Sosial
		Identiti dan Keterangkuman Insaniah
	Sub Bidang*(dropdown) (Sila tandakan satu pilihan sahaja)	Sub kategori boleh dirujuk dalam Garis Panduan Permohonan.
A1 : Maklumat Pendaftaran Organisasi		
1.	Nama Organisasi*	Nama penuh organisasi seperti dalam sijil pendaftaran organisasi.
2.	Alamat Organisasi*	Alamat organisasi yang aktif. (No. Lot dan jalan)
3.	Negeri*	Negeri berdasarkan alamat organisasi yang aktif.
4.	Daerah*	Daerah berdasarkan alamat organisasi yang aktif.
5.	Bandar*	Bandar berdasarkan alamat organisasi yang aktif.
6.	Parlimen*	Parlimen berdasarkan alamat organisasi yang aktif.
7.	DUN*	Dun berdasarkan alamat organisasi yang aktif.
8.	Jenis Pendaftaran Organisasi* (contoh: ROS/ROC/KBS/Koperasi/Lain-lain)	Pilih salah satu jenis pendaftaran organisasi seperti berikut: i. ROS ii. ROC iii. KBS iv. Koperasi v. Lain-Lain (Sila nyatakan)
9.	Nombor Pendaftaran Organisasi*	Nombor pendaftaran organisasi seperti dalam sijil pendaftaran organisasi.
10.	Sijil Pendaftaran Organisasi termasuk maklumat ahli Organisasi* (Sila muat naik dokumen)	Muat naik salinan sijil pendaftaran organisasi dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan ahli organisasi yang didaftarkan dengan pertubuhan Kerajaan. Saiz Fail tidak boleh melebihi 5mb
11.	Tarikh Penubuhan Organisasi*	Tarikh penubuhan organisasi seperti dalam sijil pendaftaran organisasi.
12.	No.Telefon Pejabat*	Nombor telefon organisasi yang aktif.
13.	Alamat E-mel Organisasi*	E-mel organisasi yang aktif.
14.	Alamat Laman Web Organisasi (Jika Ada)	Pautan laman web sekiranya ada. Jika tiada, sila abaikan

15.	Alamat Media Sosial (Contoh: Facebook, Instagram, LinkedIn), (Jika Ada)	Nama media sosial sekiranya ada. Jika tiada, sila abaikan
-----	--	---

Nota:

- i. Bahagian atau ruangan yang mempunyai tanda asterisk (*) adalah wajib untuk diisi.
- ii. Sila isi dengan lengkap bahagian ini dan tekan butang simpan.

A2 : Maklumat Ahli Jawatankuasa Organisasi			
1.	Pengerusi/Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan*	Nama	Nama Penuh seperti dalam Kad Pengenalan
		Mykad	xxxxxx-xx-xxx (No. Kad Pengenalan)
		No. Tel. Bimbit	01x-xxx xxxx (Nombor telefon bimbit yang aktif)
		Alamat Kediaman	Alamat kediaman yang dihuni terkini.
		E-mel	Alamat e-mel yang aktif
2.	Timbalan Pengerusi/Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan*	Nama	Nama Penuh seperti dalam Kad Pengenalan
		No. Kad Pengenalan	xxxxxx-xx-xxx (No. Kad Pengenalan)
		No. Tel. Bimbit	01x-xxx xxxx (Nombor telefon bimbit yang aktif)
		Alamat Kediaman	Alamat kediaman yang dihuni terkini.
		E-mel	Alamat e-mel yang aktif
3.	Setiausaha/Setiausaha Syarikat*	Nama	Nama Penuh seperti dalam Kad Pengenalan
		No. Kad Pengenalan	xxxxxx-xx-xxx (No. Kad Pengenalan)
		No. Tel. Bimbit	01x-xxx xxxx (Nombor telefon bimbit yang aktif)
		Alamat Kediaman	Alamat kediaman yang dihuni terkini.
		E-mel	Alamat e-mel yang aktif
4.	Bendahari/ Pegawai Kewangan*	Nama	Nama Penuh seperti dalam Kad Pengenalan
		No. Kad Pengenalan	xxxxxx-xx-xxx (No. Kad Pengenalan)
		No. Tel. Bimbit	01x-xxx xxxx (Nombor telefon bimbit yang aktif)
		Alamat Kediaman	Alamat kediaman yang dihuni terkini.
		E-mel	Alamat e-mel yang aktif
5.	Bilangan Pasukan Program* (Sila nyatakan bilangan orang yang akan terlibat dalam pelaksanaan program yang dicadangkan)	Bil. Pekerja Sepenuh Masa	Sila masukkan bilangan pekerja sepenuh masa di Organisasi tersebut. Sekiranya tiada, sila masukkan angka kosong "0"
		Bil. Pekerja Separuh Masa	Sila masukkan bilangan pekerja separuh masa di Organisasi tersebut. Sekiranya tiada, sila masukkan angka kosong "0"
		Bil. Sukarelawan	Sila masukkan bilangan sukarelawan di Organisasi tersebut. Sekiranya tiada, sila masukkan angka kosong "0"
		Bil. Ahli Organisasi	Sila masukkan bilangan ahli Organisasi di Organisasi tersebut. Sekiranya tiada, sila masukkan angka kosong "0"
6.	Organisasi Pernah Menjalin Kerjasama dengan pihak kerajaan/swasta	Contoh: Organisasi A telah menjalin kerjasama dengan United Nation. Sila perincikan sekiranya ada. Jika tiada sila isikan "Tiada"	
7.	Pengiktirafan/Pentaulihan	Contoh: Organisasi A telah menerima pengiktirafan dari Kementerian Belia dan Sukan dalam bidang sukan bola sepak Sila perincikan sekiranya ada. Jika tiada sila isikan "Tiada"	
8.	Salinan Sijil Pengiktirafan/Pentaulihan	Sila muat naik dokumen sekiranya berkaitan. Sila rujuk garis panduan. Saiz Fail tidak boleh melebihi 5mb	
9.	Penyata Kewangan atau Penyata Tahunan*	Sila muat naik dokumen berikut (Sila rujuk garis panduan): i. Penyata Tahunan eRoses, sekiranya RoS; atau ii. Penyata Kewangan yang diaudit oleh juruaudit bertauliah bagi yang lain-lain Organisasi. Saiz Fail tidak boleh melebihi 5mb	

10.	Pernah menerima Geran?* Sekiranya ada, sila isikan maklumat geran yang pernah diterima. Jika tiada sila abaikan	Jenis Geran	Tahun	Nama Program	Nilai (RM)
		SEDIC			
		MITRA			
		Geran Kerajaan			
		Geran Bukan Kerajaan			
		Geran Luar Negara			
11.	Salinan Dokumen Jalinan Kerjasama	Sila muat naik dokumen/laporan program sekiranya berkaitan. Sila rujuk garis panduan. Saiz Fail tidak boleh melebihi 5mb			

Nota:

- i. Bahagian atau ruangan yang mempunyai tanda asterisk (*) adalah wajib untuk diisi.
- ii. Sila isi dengan lengkap bahagian ini dan tekan butang simpan.

BAHAGIAN B : MAKLUMAT CADANGAN PROGRAM

Bil.	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Nama Program*	Nama program yang bersesuaian dengan program yang dicadangkan.
2.	Ringkasan Program*	Maklumat ringkas mengenai program yang dicadangkan. (Contoh: Program ini bertujuan untuk memberi latihan kemahiran berkaitan penggerudian arah mendatar kepada 80 peserta. Program ini menyediakan Sijil dari DCI dan NOCN. Program akan diadakan di Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor dan Johor. Tempoh program adalah selama 10 hari.
3.	Objektif Program*	Objektif program yang dicadangkan.
4.	Senarai Kandungan Modul Program (Sila muat naik senarai kandungan modul program, jika berkaitan)	Muat naik senarai kandungan modul program Contoh: Program-program yang melibatkan latihan/ kemahiran/ pendidikan, pemohon wajib muat naik senarai kandungan modul. Format kandungan modul adalah bebas. Sekiranya program tersebut tidak berkaitan, tidak perlu muat naik sebarang dokumen. Saiz Fail tidak boleh melebihi 1mb
5.	Pendapatan Isi Rumah Kumpulan Sasaran* Pemohon boleh memilih lebih dari satu pilihan mengikut kesesuaian program	B40 (Kurang daripada RM2,560.00 hingga RM5,249.00)
		M40 (RM5,250.00 hingga RM11.819.00)
6.	Kumpulan Sasaran* Pemohon boleh memilih lebih dari satu pilihan mengikut kesesuaian program	Kanak-Kanak (5 tahun hingga 17 tahun)
		Belia (18 tahun hingga 30 tahun)
		Dewasa (18 tahun hingga 59 tahun)
		Warga Emas (60 tahun dan ke atas)
		Wanita (18 tahun hingga 59 tahun)
		Orang Kurang Upaya (OKU)
7.	Bil. Peserta*	Nyatakan bilangan keseluruhan bilangan peserta.
8.	Kaedah Pelaksanaan Program* Pilih lebih dari satu pilihan mengikut kesesuaian program	Latihan dalam kelas
		Latihan luar kelas
		Kerja lapangan
		Latihan bekerja
		Lain-lain (Sila nyatakan)
9.	Outcome*	Outcome adalah hasil daripada pencapaian program. Sekurang-kurang tiga outcome. Contoh:

Bil.	PERKARA	MAKLUMAT
		<p>i. Melahirkan lebih ramai individu dalam bidang penggerudian arah mendatar.</p> <p>ii. Meningkatkan taraf sosioekonomi keluarga dan keluar dari kumpulan B40.</p>
10.	Key Performance Indicator (KPI)*	<p>KPI adalah kaedah mengukur keberkesanan program tersebut supaya dapat mencapai objektif. Sekurang-kurang tiga KPI.</p> <p>Contoh:</p> <p>i. Melatih 100 peserta dalam tempoh 3 bulan.</p> <p>ii. Memastikan 90 daripada 100 peserta lulus dalam bidang penggerudian arah mendatar.</p>
11.	Akreditasi Program (Contoh: Pengiktirafan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan sebagainya, jika berkaitan)	<p>Contoh: Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 (Bidang)</p>
12.	Salinan Sijil Akreditasi Program (Sila muat naik dokumen)	<p>Muat naik salinan sijil akreditasi program Contoh: Program-program yang melibatkan latihan/ kemahiran/ pendidikan, pemohon wajib muat naik akreditasi modul. Sekiranya program tersebut tidak berkaitan, tidak perlu muat naik sebarang dokumen.</p> <p>Saiz Fail tidak boleh melebihi 5mb</p>

Nota:

- i. Bahagian atau ruangan yang mempunyai tanda asterisk (*) adalah wajib untuk diisi.
- ii. Sila isi dengan lengkap bahagian ini dan tekan butang simpan.

BAHAGIAN C : MAKLUMAT TENAGA MAHIR*

NOTA: Pemohon harus memasukkan bilangan tenaga mahir mengikut tahap pendidikan dan muatnaik salinan CV/Resume Tenaga Mahir (Saiz Fail tidak boleh melebihi 5mb).

BAHAGIAN D : MAKLUMAT LOKASI DAN GARIS MASA PROGRAM*

1. Bilangan Lokasi & Peserta*

NOTA:

Pemohon harus memasukkan maklumat lokasi program dan bilangan peserta berdasarkan lokasi yang dicadangkan.

Terdapat dua situasi seperti berikut:

(i) **Situasi A:** Sekiranya cadangan program melibatkan beberapa siri program, maka pemohon harus masukkan maklumat lokasi dan bilangan peserta mengikut bilangan siri. Contoh seperti di bawah:

a. **Contoh 1:** Program Penggerudian arah mendatar akan dilaksanakan sebanyak 2 siri dan setiap siri akan mempunyai 50 peserta di dua lokasi di Perak. Maka pemohon harus memasukan 2 maklumat lokasi dan bilangan peserta berdasarkan 2 siri;

Negeri	Daerah	Parlimen	DUN	Bil Hari Program	Bilangan Peserta	Siri
Perak	Buntong	Ipoh Barat	Kinta	20	50	B1
Perak	Manjoi	Tambun	Kinta	20	50	B2
Jumlah				40	100	

atau

b. **Contoh 2:** Program Penggerudian arah mendatar akan dilaksanakan sebanyak 2 siri dan setiap siri akan mempunyai 50 peserta di satu lokasi di Perak. Maka pemohon harus memasukan 2 maklumat lokasi yang sama dan bilangan peserta berdasarkan 2 siri.

Negeri	Daerah	Parlimen	DUN	Bil Hari Program	Bilangan Peserta	Siri
Perak	Buntong	Ipoh Barat	Kinta	20	50	B1
Perak	Buntong	Ipoh Barat	Kinta	20	50	B2
Jumlah				55	100	

atau

c. **Contoh 3:** Program Penggerudian arah mendatar akan dilaksanakan sebanyak 3 siri dan setiap siri akan mempunyai 50 peserta di dua lokasi di Perak dan satu lokasi di Johor. Maka pemohon harus memasukan 3 maklumat lokasi yang sama dan bilangan peserta berdasarkan 3 siri.

Negeri	Daerah	Parlimen	DUN	Bil Hari Program	Bilangan Peserta	Siri
Perak	Buntong	Ipoh Barat	Kinta	20	50	B1
Perak	Buntong	Ipoh Barat	Kinta	20	50	B2
Johor	Kluang	Kluang	Mahkota	20	50	B3
Jumlah				60	150	

- (ii) **Situasi B:** Sekiranya cadangan program yang hanya melibatkan satu siri di mana program diadakan secara berterusan maka pemohon hanya perlu memasukkan satu maklumat lokasi dan bilangan peserta sahaja.

Negeri	Daerah	Parlimen	DUN	Bil Hari Program	Bilangan Peserta	Siri
Perak	Buntong	Ipoh Barat	Kinta	20	20	B1
Jumlah				20	20	

2. Garis Masa Pelaksanaan*

NOTA:

- (i) Pemohon harus memasukan perancangan pelaksanaan program yang dicadangkan dengan terperinci.
- (ii) Contoh adalah seperti di bawah:

Perkara	Cadangan Tarikh Mula	Cadangan Tarikh Akhir
Hebahan Pengambilan Peserta	5 Februari 2023	20 Februari 2023
Pemilihan peserta	23 Februari 2023	28 Februari 2023
Pelaksanaan Program* <i>Pemohon Wajib mengisi tempoh melaksanakan program</i>	1 Mac 2023	30 April 2023
Penamatan Program	2 Mei 2023	3 Mei 2023

Nota: Bahagian atau ruangan yang mempunyai tanda asterisk (*) adalah wajib untuk diisi.

BAHAGIAN E :PERINCIAN KEWANGAN PROGRAM*

NOTA:

- (i) Pemohon boleh merujuk kepada Garis Panduan Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India sebagai panduan mengisi perincian kos.
- (ii) Sekiranya terdapat perincian kos lain yang tiada dalam kadar MITRA, pemohon boleh masukkan perincian tersebut mengikut kadar sebenar.

Bil.	Perkara	Kadar (RM)	Unit	Kekerapan		Jumlah Kos (RM)	Catatan
1.	Elaun Penceramah	560	1	60	hari	33,600.00	
Jumlah Keseluruhan (RM)						33,600.00	
Kos Seorang Peserta (RM) (Auto Calculate: Jumlah Keseluruhan (RM)/ Bil Peserta)						336.00	

Nota: Bahagian atau ruangan yang mempunyai tanda asterisk () adalah wajib untuk diisi.*

BAHAGIAN F: PERAKUAN PEMOHON

Dengan mengemukakan borang ini, saya/kami dengan ini bersetuju bahawa Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia, Pejabat Perdana Menteri (MITRA, PMO) boleh mengumpul, memperoleh, menyimpan dan memproses data peribadi saya/kami yang telah saya/kami berikan dalam borang ini untuk sebarang tujuan termasuk mengesahkan data yang dikemukakan.

Untuk mengelakkan keraguan, semua data yang saya/kami telah berikan kepada MITRA, PMO dalam borang ini merangkumi semua data dalam Data Peribadi yang ditakrifkan di **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010**.

Saya/kami dengan ini mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan betul dengan pengetahuan saya/kami yang terbaik. Saya/kami dengan ini berjanji untuk memaklumkan MITRA, PMO tentang apa-apa perubahan di sekiranya dengan segera.

Sekiranya maklumat di atas didapati palsu, tidak benar, mengelirukan dan / atau menyalahi undang-undang, saya/kami faham bahawa saya/kami akan bertanggungjawab terhadapnya dan permohonan ini akan ditamatkan serta merta..

MITRA, PMO berhak menolak permohonan mengikut budi bicara secara tunggal dan mutlak walaupun ORGANISASI memenuhi semua kriteria umum dan spesifik.

Pihak MITRA, PMO **TIDAK TERIKAT** untuk menyatakan sebab-sebab permohonan ditolak kepada mana-mana pihak, termasuk ORGANISASI yang mengemukakan permohonan.

Borang permohonan ini merupakan cetakan komputer di mana perakuan ini direkodkan melalui atas talian Sistem Permohonan Geran Kewangan MITRA (SPGKM) dan tidak memerlukan tandatangan.

NOTA: Bahagian ini tidak memerlukan tandatangan dan pemohon harus mengesahkan bahagian ini melalui SPGKM sebelum mengemukakan borang permohonan tersebut secara dalam talian.



**PEJABAT PERDANA MENTERI
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA**

Manual Permohonan secara dalam talian


**Sistem Permohonan Geran Kewangan MITRA
(SPGKM)**

Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa



**DAFTAR MASUK
SISTEM PERMOHONAN GERAN KEWANGAN
MITRA
TAHUN 2025**


M/S 1. DAFTAR PENGGUNA (PENYELARAS PROGRAM)




The image shows a login and registration page for the SPGKM system. The page has an orange background with a white floral pattern. At the top center is the Malaysian coat of arms, followed by the text "PEJABAT PERDANA MENTERI" and "UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA". Below this is the title "SPGKM" and the subtitle "[Sistem Permohonan Geran Kewangan MITRA]". The login form contains three input fields: "MyKad (12 Digit tanpa simbol '-')" with a person icon, "Kata Laluan" with a lock icon, and a blue "Log Masuk" button. Below the button are two links: "Lupa Kata Laluan" and "Daftar Pengguna", which is highlighted with a red box. An arrow points from the text "Sila klik butang DAFTAR" to the "Daftar Pengguna" link.

PEJABAT PERDANA MENTERI
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

SPGKM
[Sistem Permohonan Geran Kewangan MITRA]

MyKad (12 Digit tanpa simbol '-') 

Kata Laluan 

Log Masuk

[Lupa Kata Laluan](#) [Daftar Pengguna](#)

© 2024 - Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

Sila klik butang **DAFTAR**

M/S 2. DAFTAR PENGGUNA (PENYELARAS PROGRAM)

SPGKM
[Sistem Permohonan Geran Kewangan MITRA]

Pendaftaran Penyelaras Program

Nama* :

Mykad* :
(12 Digit tanpa simbol-')

No Telefon Bimbit* :

E-mel* :

Kod Keselamatan* : 

1. Sila isi semua bahagian dengan maklumat betul dan tepat.

2. Selepas mengisi semua maklumat, sila klik butang **DAFTAR**.

M/S 3. NOTIFIKASI PENDAFTARAN AKAUN SPGKM

SPGKM
[Sistem Permohonan Geran Kewangan MITRA]

Akaun telah didaftarkan. Sila tunggu emel pengaktifan daripada Pentadbir Sistem


Pendaftaran Penyelaras Program

Nama* :

Mykad* :
(12 Digit tanpa simbol'-)

No Telefon Bimbit* :

E-mel* :

Kod Keselamatan* :


MITRA akan menyemak kesahihan pendaftaran dan akan hantar emel pengaktifan kepada emel pemohon.

M/S 4. EMEL PENGAKTIFAN AKAUN SPGKM

Akaun Anda telah Diaktifkan Inbox x

 **Pentadbir MITRA** <infomitra@jpm.gov.my>
to me ▾

Salam Sejahtera,

YBhg. Datuk/Dato'/ Dr./Tuan/Puan,

Akaun YBhg. Datuk/Dato'/ Datin/Tuan/Puan di Aplikasi **SPGKM** Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) telah berjaya **diaktifkan**. Berikut merupakan maklumat akaun YBhg. Datuk/Dato'/ Datin/Tuan/Puan

MAKLUMAT AKAUN			
1.	Nama	:	COMMANDER AMAN
2.	ID Pengguna	:	920203055049
3.	Katalaluan	:	IQoNo6wkKIY

Sekian, terima kasih.

Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)
Jabatan Perdana Menteri
Tel. : +603-8886 6221
Emel : infomitra@mitra.gov.my

Sila masuk semula ke SPGKM dan masukan kata laluan yang diberikan.

M/S 5. EMEL PENGAKTIFAN AKAUN SPGKM



The image shows a login form for the SPGKM system. At the top, there is the Malaysian coat of arms and the text 'PEJABAT PERDANA MENTERI UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA'. Below this is the title 'SPGKM' and the subtitle '[Sistem Permohonan Geran Kewangan MITRA]'. The login form itself is a white box with three input fields: 'MyKad (12 Digit tanpa simbol '-')' with a person icon, 'Kata Laluan' with a lock icon, and a blue 'Log Masuk' button. Below the button are two links: 'Lupa Kata Laluan' and 'Daftar Pengguna'. Red boxes highlight each of these three elements, with arrows pointing to the numbered instructions on the right.

1. Sila masuk no. kad pengenalan seperti dalam emel yang diberikan.

2. Sila masuk kata laluan yang dijana oleh SPGKM seperti dalam emel yang diberikan.

3. Sila tekan butan Log Masuk.

**PROSEDUR
MENGISI BORANG PERMOHONAN MELALUI
SISTEM PERMOHONAN GERAN KEWANGAN
MITRA
TAHUN 2025**

Untuk mengisi borang permohonan, sila klik butang **+ TAMBAH**

UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT
INDIA MALAYSIA
Aras 4, Blok D5, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Presint 1, 62502 Putrajaya
Tel. : +603-8886 6221
Emel : infomitra@jpm.gov.my

Pengguna Sistem
Manual Pengguna
Log Keluar



Permohonan

Senarai Permohonan

+ Tambah

Search:

Bil.	Kod Permohonan	Nama Organisasi	Nama Program	Tarikh Permohonan	Tarikh Tindakan	Status	
[REDACTED]							

Showing 1 to 1 of 1 entries

Previous 1 Next

M/S 7. BORANG PERMOHONAN GERAN KEWANGAN MITRA

1. Butiran Pemohon telah diisi oleh sistem semasa membuat pendaftaran pada M/S 2. Daftar Masuk

UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT
INDIA MALAYSIA
Aras 4, Blok D5, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Presint 1, 62502 Putrajaya
Tel. : +603-8886 6221
Emel : infomitra@jpm.gov.my

Pengguna Sistem
Manual Pengguna
Log Keluar

Permohonan Geran Kewangan MITRA

Laman Utama / Permohonan Baru

MAKLUMAT PEMOHON BAHAGIAN A1 BAHAGIAN A2 BAHAGIAN B BAHAGIAN C BAHAGIAN D BAHAGIAN E BAHAGIAN F

BUTIRAN PEMOHON

Nama : [Redacted] Test

No. Kad Pengenalan : [Redacted]

No. Telefon : [Redacted]

Emel : [Redacted]@gmail.com

2. Pemohon boleh melihat dahulu setiap bahagian dalam borang permohonan terlebih dahulu tanpa mengisi sebarang maklumat. Dengan ini, ia akan memudahkan pemohon untuk meneliti dan menyediakan sebarang maklumat dengan lebih baik sebelum menghantar. Pemohon hanya perlu tekan mana-mana Tab Bahagian. **NOTA PENTING:** Pemohon **WAJIB** membaca Garis Panduan Permohonan sebelum mengisi.

M/S 8. BAHAGIAN A1 (MAKLUMAT ORGANISASI)

1. Semua butiran yang bertanda “ * ” wajib diisi oleh pemohon.

MAKLUMAT PEMOHON **BAHAGIAN A1** BAHAGIAN A2 BAHAGIAN B BAHAGIAN C BAHAGIAN D BAHAGIAN E BAHAGIAN F

2. Sila pilih **Kategori** dan **Sub Kategori**. Rujuk Garis Panduan Permohonan

MAKLUMAT ORGANISASI

Bidang * Sila Pilih

Sub Bidang * Sila Pilih

Nama Organisasi * :

Alamat Organisasi * :

Negeri * : Sila Pilih **Daerah * :** Sila Pilih

Bandar * : Sila Pilih **Parlimen * :** Sila Pilih

Dun * : Sila Pilih

